

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 14/5/2011 |

Lawatan Najib ke Qatar teroka dua peluang

Dari Doha
Sariha Mohd Ali



LAWATAN rasmi pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke Doha, Qatar selama dua hari bermula hari ini dijangka membuka lebih banyak peluang perniagaan dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Najib dijangka tiba kira-kira jam 4 petang ini (jam 9 malam waktu Malaysia) bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Beliau akan mengadakan pertemuan khas dengan Perdana Menteri Qatar, Sheikh Hamad Jassim Jabr Al-Thani dan Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani secara berasingan.

Paling istimewa, Najib dan isteri turut diundang menghadiri majlis makan malam bersama Perdana Menteri Qatar dan isteri di bilik khas dan peluang ini dianggap satu

penghargaan tertinggi, sekali gus memberi mereka peluang berbilang lebih akrab berhubung sebarang cadangan untuk meningkatkan hubungan Malaysia-Qatar.

Duta Besar Malaysia di Qatar, Ahmad Jazri Mohd Johar, berkata lawatan Perdana Menteri kali ini bagi membuka pintu meningkatkan lagi kerjasama perdagangan dan menyediakan peluang serta kemudahan supaya ahli perniagaan dari Qatar dapat berinteraksi dan menjalin hubungan dengan penia-

ga dan pelabur Malaysia.

Beliau berkata, nilai dagangan antara Qatar dan Malaysia tahun lalu berjumlah RM1.3 bilion dan dijangka meningkat tahun ini berikutan perkembangan ekonomi dunia yang semakin baik.

"Kita mahu mengambil peluang meningkatkan hubungan akrab sedia ada dan membawanya ke tahap lebih baik sebab banyak bidang boleh diteroka di negara ini yang pesat membangun" katanya pada sidang media di sini, semalam.